



**WARGA UMS** dalam kontinjen Sukan Sea KL2017 (dari kiri di depan) Fathin, Fedalliah, Masturah, Haindee, Jaciah, (dari kiri di belakang) David, Salim, Azman, Asyraaf, Dayang, Christina dan Shereilynn.

## Lapan atlet, empat pegawai warga UMS dalam kontinjen Sukan SEA negara

Oleh VITALIS G  
BINGKASAN

UB 16.8.2017 A/6  
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bangga dapat turut menyumbang sama ada sebagai atlet atau pegawai kepada kontinjen negara pada Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

UMS mempunyai lapan atlet yang terdiri dari empat mahasiswa dan empat staf serta empat pegawai dalam kontinjen negara.

Atlet dari kalangan mahasiswa adalah Fathin Faqihah Mohd Yusof (olahraga wanita), Christina Edris (ragbi wanita), Dayang Anak Manggie (ragbi wanita) dan JI Fedalliah Claritta Jaimin (bola sepak wanita) manakala atlet dari kalangan staf pula terdiri pemain bola sepak wanita

iaitu Masturah Majid, Jaciah Jumilis, Haindee Mosroh dan Shereilynn Elly Pius.

Empat lagi staf UMS juga berada dalam kontinjen negara sebagai pegawai diketuai Pengarah Pusat Sukan Mohd Asyraaf Fong Abdullah yang dipikulkan tugas selaku ketua jurulatih skuad bola sepak wanita, David Johnny (penolong jurulatih pasukan bola sepak wanita), Salim Syed Ibrahim (kitman dan massuer pasukan bola sepak wanita) dan Azman Soaibah (penolong jurulatih pasukan futsal wanita).

“Keberadaan kami dalam kontinjen negara ini juga adalah hasil sokongan dan galakan dari pentadbiran dan pengurusan UMS terutamanya Naib Canselor, Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin.

“Ini adalah satu kebang-

gaan tetapi juga tanggungjawab besar. Kami warga UMS berikrar memberikan komitmen dan berusaha bersungguh-sungguh memainkan peranan membantu mengharumkan nama negara,” kata Asyraaf.

Majlis Preasmian Sukan SEA KL2017 akan berlangsung pada 19 Ogos tetapi beberapa acara telah pun berlangsung sejak 14 Ogos.

Pasukan bola sepak wanita yang disasarkan pingat gangsa juga telah memulakan cabaran menentang Filipina semalam diikuti menentang Myanmar (17 Ogos), Thailand (20 Ogos) dan Vietnam (24 Ogos).

Sukan terbesar dwi tahunan Asia Tenggara melibatkan penyertaan 11 negara itu dijadualkan berakhir pada 30 Ogos.